



KENYATAAN MEDIA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

JANGKITAN TUBERKULOSIS: SENTIASA BERWASPADA DAN AMALKAN KESIHATAN KENDIRI SEPANJANG RAMADAN

Bulan Ramadan merupakan bulan yang dinanti-nantikan dan disambut dengan pelbagai aktiviti sosial seperti kunjungan ke bazar Ramadan serta majlis berbuka puasa bersama keluarga dan rakan-rakan. Dalam suasana ini, orang ramai disaran untuk terus mengamalkan langkah kesihatan sendiri secara konsisten, termasuk dari segi kesihatan pernafasan.

Penyakit tibi (TB) ialah penyakit berjangkit bawaan udara yang boleh merebak apabila seseorang yang menghidap TB paru-paru aktif batuk, bercakap atau bersin. Walau bagaimanapun, TB lazimnya tidak merebak dengan cepat seperti influenza atau COVID-19 dan biasanya memerlukan pendedahan yang lebih lama serta berulang.

Sehingga **Minggu Epidemiologi ke-6 (ME-6/2026)**, sebanyak **596 kes baharu Tibi** telah didaftarkan menjadikan **bilangan kes keseluruhan berjumlah 3,161 kes**. Pecahan mengikut negeri beserta kadar insiden (IR) bagi setiap 100,000 penduduk adalah seperti berikut:

Bil.	Negeri	Jumlah Kes	% ikut Negeri	Kadar Insiden
1	Sabah	755	23.88%	20.08
2	Selangor	596	18.85%	8.05
3	Sarawak	332	10.50%	13.12
4	Johor	280	8.86%	6.66
5	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya	244	7.72%	11.12

Bil.	Negeri	Jumlah Kes	% ikut Negeri	Kadar Insiden
6	Kedah	181	5.73%	8.12
7	Pulau Pinang	172	5.44%	9.54
8	Perak	154	4.87%	5.98
9	Kelantan	121	3.83%	6.34
10	Pahang	103	3.26%	6.14
11	Terengganu	74	2.34%	5.93
12	Negeri Sembilan	62	1.96%	4.98
13	Melaka	48	1.52%	4.56
14	Perlis	21	0.66%	7.05
15	Wilayah Persekutuan Labuan	18	0.57%	17.84

Saranan Pencegahan dan Kawalan Sepanjang Ramadan

Risiko penularan boleh meningkat sekiranya seseorang terdedah dalam tempoh yang panjang di ruang tertutup, sesak dan kurang pengudaraan, khususnya jika terdapat individu dengan TB aktif yang belum menjalani rawatan. Namun, risiko sebenar bergantung kepada beberapa faktor termasuk tempoh pendedahan, keadaan pengudaraan dan tahap kesihatan individu terlibat.

Perlu ditegaskan bahawa Ramadan bukanlah punca kepada penularan TB. Walau bagaimanapun, peningkatan aktiviti sosial dan perhimpunan sepanjang bulan ini secara umumnya meningkatkan interaksi dalam kalangan masyarakat.

Sehubungan itu, orang ramai digalakkan untuk:

- Mengamalkan etika batuk dan bersin yang betul
- Memastikan pengudaraan yang baik di ruang tertutup
- Memakai pelitup muka sekiranya bergejala atau berada di tempat yang sesak
- Mendapatkan pemeriksaan kesihatan sekiranya mengalami batuk berpanjangan melebihi dua minggu atau gejala lain yang berkaitan

Pendekatan berasaskan kesedaran komuniti ini amat penting bagi memastikan pengesanan awal, rawatan yang berkesan serta

pencegahan penularan dapat dilaksanakan secara menyeluruh. Dengan kesedaran dan tindakan bersama, kita mampu memastikan Ramadan disambut dalam keadaan selamat, sihat dan sejahtera.

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
21 FEBRUARI 2026

